

# MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT KEHORMAT KEPADA KETUA MENTERI SARAWAK DAN MALIS RAMAH MESRA BERSAMA WARGA ATM KUCHING

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3306-majlis-pemakaian-pangkat-kehormat-kepada-ketua-menteri-sarawak-dan-malis-ramah-mesra-bersama-warga-atm-kuching](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3306-majlis-pemakaian-pangkat-kehormat-kepada-ketua-menteri-sarawak-dan-malis-ramah-mesra-bersama-warga-atm-kuching)

KUCHING, 9 Apr 18 - Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM telah menghadiri Majlis Pemakaian Pangkat Kehormat kepada Ketua Menteri Sarawak, YAB Datuk Patinggi Abang Hj Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Hj Openg yang telah diadakan di Kem Mutiara Tuang. YAB Ketua Menteri Sarawak telah diperkenankan untuk dianugerahkan pangkat Brig Jen Kehormat melalui Majlis Angkatan Tentera (MAT) ke-559 bertarih 27 Sept 17 sekaligus dilantik sebagai Penaung Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah (JAKPAW) Negeri Sarawak.

Perlantikan sebagai penaung JAKPAW Negeri ini dianugerahkan kepada pemimpin Kerajaan Negeri yang dipilih. Dengan perlantikan tersebut, ianya diharap dapat meningkatkan lagi prestasi serta peranan Askar Wataniah di Negeri Sarawak. Majlis yang telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein ini diteruskan lagi dengan majlis beramah mesra bersama Warga ATM sekitar Kuching dan Kota Samarahan. Ini merupakan program Jelajah Perkasa Perwira yang mana merupakan inisiatif turun padang yang dilaksanakan oleh Menteri Pertahanan bersama Pemerintah Tertinggi ATM dan Panglima-panglima Perkhidmatan.







